

Kepada: Encik / Cik \_\_\_\_\_ <sup>さま</sup>様

# Nota Suspek

## Catatan Rekod Temu bual

ひぎしゃ                      とりしら      きろく  
被疑者ノート      取調べの記録

(Dari (tarikh) \_\_\_\_\_ ke (tarikh) \_\_\_\_\_)  
(                      年   月   日から                      年   月   日まで)

Tarikh:  
年月日

Pegulam: \_\_\_\_\_  
弁護士

Sila catatkan situasi temu bual (interogasi) (dari sini kami akan merujuknya sebagai temu bual) yang anda terima ke dalam Nota-nota ini dan kembalikan kepada saya kemudian.

このノートに、あなたが受けた取調べの様子を記録して、後日、私に返してください。

### 警察・検察の方へ

このノートは、弁護士が、接見の際に見ながら取調べ状況の説明を受けるとともに、後日返却を受け、弁護活動に役立てることを予定して、被疑者に差し入れ、記録を要請するものですので、その記録内容については、憲法に由来する秘密交通権の保障を受けます。

### Kepada Pegawai Polis dan Pihak Pendakwa Raya

Nota ini telah diberikan kepada tertuduh oleh peguam bela dengan permintaan supaya tertuduh menyimpan rekod catatan temu bual dengan pihak penemu bual. Nota ini akan diperiksa semula semasa perbincangan mengenai temu bual dengan tertuduh, dan diharapkan akan menjadi bantuan untuk aktiviti pembelaan selepas ia dipulangkan. Kandungan catatan ini tertakluk kepada jaminan hak komunikasi sulit (hak untuk khidmat nasihat) di bawah Perlembagaan Jepun.

マレー語版

2012年12月版                      Edisi Disember 2012  
Persatuan Peguam Persekutuan Jepun

**JFBA** 日本弁護士連合会



## Nota Suspek

- Isi Kandungan -

■ Aliran Tahanan dan Tatacara Jenayah .....	2
■ Pesanan Penting mengenai Temu bual – Persediaan Mental untuk Temu bual .....	4
Pengenalan .....	4
I. Prosedur Seterusnya .....	4
II. Kepentingan Pertemuan dengan Pihak Peguam Bela .....	5
III. Persediaan Mental untuk Temu bual .....	7
IV. Cadangan Penyediaan “Nota Suspek”	
~ “Nota Suspek” akan membantu anda .....	13
V. Cara menulis “Nota Suspek” .....	14
VI. Cara menggunakan “Nota Suspek” .....	15
VII. Jika Temu bual Anda Menyalahi Undang-undang atau Tidak Wajar .....	15
Kesimpulan – Sikap Mental Anda adalah Penting .....	17
■ Nota Suspek (Sila pastikan ia diisi) .....	20 - 65

# Aliran Pertahanan dan Tatacara Jenayah

Aliran tatacara jenayah berikutan tangkapan diterangkan di bawah.  
Sila isikan ruangan kosong dalam jadual di bawah dengan butiran-butiran sebarang pertemuan.

Anda akan diletakkan di bawah tahanan sehingga 72 jam selepas tangkapan. Pada masa ini, pihak pendakwa akan memutuskan sama ada untuk memohon kepada hakim untuk meneruskan tahanan anda (Permohonan Tahanan Reman). Sekiranya Permohonan Tahanan Reman dibuat, hakim akan memutuskan sama ada untuk meneruskan tahanan selepas mendengar tuntutan anda (Pemeriksaan Tahanan Reman). Jika tahanan reman tidak dibenarkan, anda akan dibebaskan.

TANGKAPAN		Hari 1	Tarikh: ( )	Hari 2	Tarikh: ( )	Hari 3	Tarikh: ( )
		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual	
		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )	
		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )	
		: - :		: - :		: - :	
		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )	
		: - :		: - :		: - :	
		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )	
		Barang yang dihantar ( )		Barang yang dihantar ( )		Barang yang dihantar ( )	
		<p>→ PEMBEBASAN Tahanan reman biasanya berterusan selama 10 hari, tetapi lanjutan bagi tahanan reman (Lanjutan Tahanan Reman) sehingga 10 hari dibenarkan jika hakim memutuskan terdapat alasan yang kuat (anda boleh ditahan hingga selama 20 hari selepas tahanan reman dibenarkan).</p>					
TAHANAN REMAN		Hari 1	Tarikh: ( )	Hari 2	Tarikh: ( )	Hari 3	Tarikh: ( )
		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual	
		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )	
		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )	
		: - :		: - :		: - :	
		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )	
		: - :		: - :		: - :	
		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )	
		Barang yang dihantar ( )		Barang yang dihantar ( )		Barang yang dihantar ( )	
Hari 4	Tarikh: ( )	Hari 5	Tarikh: ( )	Hari 6	Tarikh: ( )		
<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual			
<input type="checkbox"/> Temu bual ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )			
<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )			
: - :		: - :		: - :			
<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )			
: - :		: - :		: - :			
<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )			
Barang yang dihantar ( )		Barang yang dihantar ( )		Barang yang dihantar ( )			
Hari 7	Tarikh: ( )	Hari 8	Tarikh: ( )	Hari 9	Tarikh: ( )		
<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual			
<input type="checkbox"/> Temu bual ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( )			
<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( )			
: - :		: - :		: - :			
<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( )			
: - :		: - :		: - :			
<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( )			
Barang yang dihantar ( )		Barang yang dihantar ( )		Barang yang dihantar ( )			

LANJUTAN  
TAHANAN  
REMAN


<b>Hari 10</b>	Tarikh: ( ) ( )
<input type="checkbox"/> Tiada temu bual	
<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )	
<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )	
: - :	
<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )	
: - :	
<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )	
Barang yang dihantar ( ) ( )	

<b>Hari 1</b>	Tarikh: ( ) ( )
<input type="checkbox"/> Tiada temu bual	
<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )	
<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )	
: - :	
<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )	
: - :	
<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )	
Barang yang dihantar ( ) ( )	

<b>Hari 2</b>	Tarikh: ( ) ( )	<b>Hari 3</b>	Tarikh: ( ) ( )	<b>Hari 4</b>	Tarikh: ( ) ( )
<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual	
<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )	
<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )	
: - :		: - :		: - :	
<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )	
: - :		: - :		: - :	
<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )	
Barang yang dihantar ( ) ( )		Barang yang dihantar ( ) ( )		Barang yang dihantar ( ) ( )	

<b>Hari 5</b>	Tarikh: ( ) ( )	<b>Hari 6</b>	Tarikh: ( ) ( )	<b>Hari 7</b>	Tarikh: ( ) ( )
<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual	
<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )	
<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )	
: - :		: - :		: - :	
<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )	
: - :		: - :		: - :	
<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )	
Barang yang dihantar ( ) ( )		Barang yang dihantar ( ) ( )		Barang yang dihantar ( ) ( )	

<b>Hari 8</b>	Tarikh: ( ) ( )	<b>Hari 9</b>	Tarikh: ( ) ( )	<b>Hari 10</b>	Tarikh: ( ) ( )
<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual		<input type="checkbox"/> Tiada temu bual	
<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Temu bual ( ) ( )	
<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Mesyuarat: Peguam ( ) ( )	
: - :		: - :		: - :	
<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Lawatan: Pelawat ( ) ( )	
: - :		: - :		: - :	
<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )		<input type="checkbox"/> Hantaran masuk: Dari ( ) ( )	
Barang yang dihantar ( ) ( )		Barang yang dihantar ( ) ( )		Barang yang dihantar ( ) ( )	



# Pesanan Penting mengenai Temu bual

- Persediaan Mental untuk Temu bual -

## Pengenalan

Anda mungkin telah ditangkap dan sedang ditemu bual sekarang, atau anda mungkin belum ditangkap dan sedang ditemu bual secara sukarela. Tidak kira sama ada anda telah ditangkap atau tidak, jika anda sedang ditemu bual dengan kasar, anda mungkin berfikir "akan lebih mudah jika saya hanya menandatangani pernyataan bertulis seperti yang diberitahu oleh penemu bual," walaupun anda tidak berpuas hati dengan kandungan pernyataan bertulis. Walaupun ia mungkin membawa rasa lega seketika, jika anda menandatangani pernyataan bertulis yang tidak memuaskan, ia mungkin akan kembali menghantui anda.

Untuk mengelakkan kekesalan yang sedemikian, pastikan anda membaca nasihat dalam "Nota Suspek" ini sebelum ditemu bual.

## I. Prosedur Seterusnya

Aliran daripada tangkapan anda hingga ke perbicaraan mahkamah adalah seperti berikut (sila rujuk kepada "Aliran Penjagaan dan Tatacara Jenayah" ms. 2 dan 3)).

### 1. Tangkapan

Jika anda telah ditangkap oleh pihak polis, seorang pegawai polis akan menemu bual anda dan kes tersebut akan dihantar ke pejabat pendakwa raya dalam masa 48 jam. Pihak pendakwa akan melakukan temu bual ringkas dalam masa 24 jam dan, jika pendakwa berasa penjagaan adalah perlu, maka pendakwa akan membuat "permohonan tahanan reman" kepada hakim. Sekiranya pendakwa menentukan bahawa tahanan reman adalah tidak diperlukan, anda akan dibebaskan.

### 2. Tahanan Reman

Sekiranya "permohonan tahanan reman" dibuat, hakim akan menjalankan "pemeriksaan bagi tahanan reman" dan memutuskan sama ada anda perlu ditahan reman atau tidak.

Sekiranya tahanan reman dibenarkan, anda boleh ditahan selama 10 hari dari tarikh permohonan tahanan reman dibuat. Jika pihak pendakwa berpendapat bahawa bukti yang mencukupi tidak diperolehi daripada tertuduh, pendakwa boleh memohon lanjutan 10 hari lagi untuk tahanan reman.

Semasa dalam tempoh tahanan reman, anda akan "ditemu bual" oleh pegawai polis dan pendakwa raya.

Jika hakim tidak membenarkan tahanan reman, anda akan dibebaskan.

### **3. Pendakwaan / Bukan pendakwaan**

Sekiranya siasatan kes anda selesai semasa dalam tempoh tahanan reman, pihak pendakwa akan membuat keputusan sama ada untuk memohon perbicaraan jenayah (dipanggil, "pendakwaan") atau tidak memohon perbicaraan jenayah (dipanggil, "bukan pendakwaan").

Jika anda didakwa, anda akan dihadapkan ke perbicaraan di mahkamah.

#### **◆ Ikat Jamin**

Jika anda didakwa, tempoh tahanan reman selalunya akan dilanjutkan, tetapi sekiranya "ikat jamin" dibenarkan, anda akan dibebaskan sehingga keputusan dibuat jika sekiranya syarat jaminan dipatuhi. Ikat jamin adalah sistem di mana, jika hakim berpendapat bahawa tiada risiko yang anda akan melarikan diri atau memusnahkan bukti, anda boleh dibebaskan setelah membayar deposit jaminan.

## **II. Kepentingan Pertemuan dengan Pihak Peguam Bela**

### **1. Pertemuan dengan pihak peguam bela adalah penting**

**~ Hubungi pihak peguam bela jika anda menghadapi masalah ~**

Semasa anda sedang ditemu bual, anda mungkin merasa sangat tidak selesa dan tidak

tahu apa yang perlu dilakukan. Pihak penemu bual mungkin akan cuba memberi tekanan kepada anda untuk menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda walaupun anda menganggap kandungan pernyataan bertulis itu tidak betul. Jika ini berlaku, rujuk kepada peguam bela anda sebelum menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda. Jika anda terlibat dengan temu bual yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar, anda mungkin teragak-agak untuk berunding dengan peguam bela anda kerana berpendapat yang pihak penemu bual akan mengganggu anda. Walau bagaimanapun, terutamanya dalam kes-kes seperti ini, perkara pertama yang perlu anda lakukan ialah meminta seorang peguam bela untuk berjumpa dengan anda dan berunding dengan peguam bela tersebut (perkara utama yang perlu diberi perhatian mengenai temu bual disenaraikan dalam III hingga VII di bawah, sila baca dengan teliti. Jika ada perkara yang anda tidak faham, sila rujuk kepada peguam bela anda).

Sekiranya anda ingin berunding dengan peguam bela, walaupun ketika sedang ditemu bual, minta kepada penemu bual untuk menghubungi peguam bela anda dengan berkata "Saya ingin bertemu dengan peguam bela segera". Terdapat notis kerajaan yang mewajibkan pihak penemu bual untuk segera menghubungi seorang peguam bela jika tertuduh mengatakan, "Saya ingin bertemu dengan peguam bela."

## **2. Hak Komunikasi Sulit ~ Anda tidak berwajib untuk memberitahu mengenai isi kandungan pertemuan di antara anda dan peguam bela anda ~**

Anda selalunya akan disoal oleh pihak penemu bual mengenai isi kandungan perbincangan di antara anda dan peguam bela anda atau mengenai nasihat yang telah anda terima. Walau bagaimanapun, jika anda disoal oleh pihak penemu bual, anda tidak perlu menjawab apa-apa mengenai isi kandungan pertemuan di antara anda dan peguam bela anda.

Kesulitan isi kandungan pertemuan anda bersama dengan peguam bela anda adalah terpelihara oleh hak komunikasi sulit (hak untuk khidmat nasihat). Perkara 39, perenggan 1 di bawah 'Kanun Tatacara Jenayah' menjamin hak komunikasi sulit.

## **3. Anda tidak berwajib untuk mengemukakan "Nota Suspek"**

Pihak kami meminta supaya anda menggunakan "Nota Suspek" ini untuk menyimpan



catatan rekod temu bual kerana pihak peguam bela akan mengulas Nota ini sambil mendengar penjelasan anda mengenai temu bual tersebut dan ia akan menjadi bantuan dalam aktiviti pembelaan selepas ia dipulangkan. Nota ini adalah dokumen penting bagi anda dan peguam bela anda.

Jika pihak penemu bual meminta anda menunjukkan kepada mereka “Nota Suspek”, tidak ada keperluan sama sekali untuk anda menunjukkannya kepada mereka, kerana hak komunikasi sulit antara anda dan peguam bela anda adalah dijamin. Anda tidak harus melaporkan isi kandungan pertemuan (tercatat dalam Nota anda) kepada agensi penyiasatan setelah selesai pertemuan. Jika penemu bual cuba untuk melihat Nota tersebut walaupun anda telah menolak untuk menunjukkan kepada mereka, sila rujuk kepada pihak peguam bela anda.

### III. Persediaan Mental untuk Temu bual

#### **1. Sila baca “Persediaan Mental” ini dengan teliti**

Semasa dalam pertahanan, anda akan ditemu bual.

Adalah amat penting untuk mengetahui bagaimana untuk menjawab ‘temu bual’. Oleh itu, sila baca bahagian ‘Persediaan Mental’ ini dengan teliti.

#### **2. Anda dibenarkan untuk berdiam diri ~ Hak untuk Berdiam Diri ~**

Perkara 38, perenggan 1 di bawah Perlembaan Jepun, menjamin hak untuk berdiam diri dengan memperuntukkan bahawa, “Tiada seseorang pun boleh dipaksa untuk memberi keterangan yang bertentangan dengan dirinya sendiri”. Perkara 198, perenggan 2 di bawah ‘Kanun Tatacara Jenayah’ memperuntukkan bahawa, “Semasa temu bual, tertuduh akan dimaklumkan terlebih dahulu bahawa seseorang tidak berwajib untuk membuat pernyataan yang bercanggah dengan kehendaknya”. Oleh itu, anda boleh memilih untuk berdiam diri semasa temu bual dan hanya menjawab soalan-soalan yang anda ingin jawab dan menolak untuk menjawab soalan-soalan yang anda enggan jawab.

Hak untuk berdiam diri diasalkan daripada kesedaran bahawa kekuasaan seseorang boleh memaksa orang lain yang tidak bersalah untuk membuat pengakuan palsu. Hak

untuk berdiam diri adalah diiktiraf sebagai satu perkara semestinya dalam negeri modern.

Pihak berkuasa tidak boleh melayan anda dengan cara yang tidak memuaskan oleh kerana anda menolak untuk menjawab, oleh itu anda tidak perlu bimbang.

### **3. Pastikan anda tahu apa yang sedang berlaku**

Temu bual anda akan dijalankan dengan bantuan jurubahasa. Jika anda tidak faham apa yang dikatakan oleh pihak jurubahasa, anda boleh minta jurubahasa tersebut untuk menerangkan apa yang dimaksudkannya sehingga anda faham sepenuhnya. Berhati-hati untuk tidak mengakui apa-apa jika anda tidak faham sepenuhnya apa yang sedang anda akui. Jika anda berpendapat bahawa jurubahasa tidak memahami apa yang anda katakan, terangkan kembali dengan teliti sehingga jurubahasa tersebut faham. Jika anda masih tidak faham atau pihak jurubahasa masih tidak memahami penjelasan anda, jangan bertutur apa-apa.

### **4. Jangan benarkan pihak penemu bual membuat pernyataan sendiri**

Apa yang anda tuturkan semasa dalam kehadiran pegawai polis dan pendakwa raya dikenali sebagai “pernyataan”. Pegawai polis dan pendakwa raya tersebut akan menyediakan dokumen yang dikenali sebagai “pernyataan bertulis”.

Walau bagaimanapun, isi kandungan pernyataan bertulis tersebut tidak akan merekodkan apa yang anda tuturkan dengan tepat. Sebaliknya, pernyataan tersebut mengandungi ringkasan bertulis oleh pihak penemu bual. Oleh kerana apa yang anda tuturkan telah bercampur dengan pemikiran penemu bual, adalah sukar untuk membezakan apa yang sebenarnya telah dibincangkan daripada kenyataan yang dibuat oleh penemu bual. Oleh kerana peguam bela tidak dibenarkan untuk menyaksikan temu bual di negara Jepun dan tidak semua temu bual dirakam secara elektronik, pihak kami tidak dapat mengesahkan apa sebenarnya yang telah dituturkan.

“Pernyataan bertulis” akan menjadi “bahan bukti” dalam kes anda. Sila ingat bahawa jika sekiranya “pernyataan bertulis” diguna pakai oleh pihak mahkamah sebagai “bahan bukti”, keputusan perbicaraan akan bergantung kepada “pernyataan bertulis” tersebut. Sila faham bahawa jika sekiranya anda memberitahu pihak mahkamah bahawa “apa yang tertulis dalam pernyataan bertulis tersebut sebenarnya salah” semasa perbicaraan dijalankan, adalah amat sukar untuk mendapatkan pihak mahkamah untuk mempercayai

anda.

Berhati-hati apabila pernyataan bertulis disediakan oleh pihak penemu bual.

**5. Anda tidak perlu memberi tindak balas jika diminta menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda ~ Hak untuk menolak untuk tandatangan atau cap nama~**

Anda tidak diwajibkan untuk menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda pada pernyataan bertulis.

Perkara 198, perenggan 5 di bawah Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan dengan jelas bahawa “Apabila tertuduh telah mengesahkan bahawa kandungan pernyataan bertulis adalah betul, tertuduh boleh diminta untuk menandatangani namanya atau menurunkan cap namanya, kecuali jika tertuduh menolak.” Adalah diiktiraf bahawa anda mempunyai hak untuk menolak menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda. Walaupun pernyataan anda diterangkan dengan betul dalam pernyataan bertulis, anda tidak berwajib untuk menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda. Sememangnya, jika anda berasa bahawa “Saya tidak menuturkan perkara yang sedemikian” anda tidak sepatutnya menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda pada pernyataan bertulis.

Sekiranya anda tidak mengerti bahasa Jepun, pihak penemu bual akan membacakan pernyataan bertulis dan jurubahasa akan menafsirkannya dan anda akan ditanya sama ada terdapat apa-apa kesalahan pada kandungan pernyataan bertulis tersebut. Walau bagaimanapun, jika jurubahasa telah salah menafsirkan kandungan pernyataan bertulis, bertutur terlalu pantas atau anda letih selepas temu bual berulang kali atau berpanjangan, anda mungkin akan membuat kesilapan atau tertinggal perkataan. Jika anda tidak memahami isi kandungan pernyataan bertulis, atau mempunyai sebarang keraguan mengenai tafsiran tersebut, anda boleh minta kepada pihak penemu bual untuk “sila bacakan (tafsirkan) sekali lagi,” dan dengar dengan teliti kandungan pernyataan bertulis tersebut seberapa banyak kali yang anda mahu. Anda mempunyai hak untuk menolak menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda pada pernyataan bertulis, jika anda tidak memahami isi kandungan pernyataan bertulis, anda harus menolak untuk menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda pada pernyataan bertulis tersebut.

## **6. Sila semak pernyataan bertulis berulang kali**

**-Anda boleh menyemak seberapa banyak kali yang anda mahu, semak kandungan pernyataan bertulis anda dengan teliti-**

Jika anda menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda pada pernyataan bertulis, ia dianggap sebagai pengakuan kepada ketepatan dan isi kandungan pernyataan bertulis tersebut. Oleh itu, anda mesti menyemak kandungan pernyataan bertulis dengan teliti apabila anda menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda. Jika anda menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda apabila kandungan itu tidak benar, kenyataan anda bahawa kandungan tersebut “tidak benar” semasa perbicaraan mahkamah tidak akan diiktiraf, oleh sebab itu sila beri perhatian dengan teliti. Perbezaan kecil dalam nuansa boleh membawa kepada perbezaan yang ketara semasa perbicaraan.

Selepas pernyataan bertulis disediakan, isi kandungannya akan disahkan. Di bawah peruntukan Kanun Tatacara Jenayah, pihak penemu bual dibenarkan untuk membacakan pernyataan bertulis kepada anda untuk tujuan pengesahan. Walau bagaimanapun, jika penemu bual membaca dengan terlalu pantas atau anda sedang letih, anda mungkin akan tertinggal perkataan dengan tidak sengaja atau membuat kesilapan. Jika anda sedang mempertimbangkan untuk menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda pada pernyataan bertulis, tanya kepada pihak penemu bual tersebut untuk “Sila izinkan saya membaca pernyataan bertulis itu kerana saya ingin membacanya sendiri” dan pastikan anda memeriksanya sendiri dan membaca kandungan pernyataan bertulis tersebut.

Sekiranya pihak penemu bual enggan membenarkan anda membaca pernyataan tersebut, anda harus menolak untuk menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda pada pernyataan bertulis tersebut, kerana anda mempunyai hak untuk menolak menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda pada pernyataan bertulis tersebut.

## **7. Pembetulan bagi pernyataan bertulis yang salah**

**~ Isi kandungan pernyataan bertulis boleh diperbetulkan (Hak permintaan untuk penambahan, pemansuhan atau pengubahan ) ~**

Anda mempunyai hak untuk meminta pembetulan bagi isi kandungan pernyataan bertulis.

Perkara 198, perenggan 4 di bawah Kanun Tatacara Jenayah, memperuntukkan bahawa, selepas penyediaan pernyataan bertulis oleh penemu bual “pernyataan bertulis itu hendaklah diperiksa oleh tertuduh atau dibacakan kepadanya untuk pengesahan, dan jika dia membuat permintaan untuk sebarang penambahan, pemansuhan, atau pengubahan, kenyataan anda tersebut hendaklah dicatatkan ke dalam pernyataan bertulis,” (hak permintaan untuk penambahan, pemansuhan atau pengubahan).

Jika anda membaca pernyataan bertulis dan ingin menukar bahagian yang salah, dan tiada bahagian lain yang tidak memuaskan, minta untuk membuat pembetulan dan pastikan pembetulan dibuat dalam pernyataan bertulis (walaupun anda meminta untuk membuat pembetulan, anda tidak berwajib untuk menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda).

Sekiranya pembetulan dibuat hanya kepada sebahagian dari pernyataan, pihak penemu bual akan beranggapan bahawa anda telah bersetuju dengan bahagian lain. Apabila anda meminta untuk pembetulan, jika anda masih tidak pasti mengenai pernyataan tersebut, pihak kami mengesyorkan anda supaya menolak untuk menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda pada keseluruhan pernyataan bertulis dan berbincang dengan peguam bela anda.

Jika penemu bual enggan membetulkan kenyataan tersebut walaupun dengan permintaan anda, jangan ragu untuk menolak menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda.

## **8. Perkara Nota dalam hal Rakaman Elektronik**

(1) Sekiranya temu bual tersebut dirakamkan secara elektronik, sila maklumkan kepada pihak peguam bela.

Temu bual anda boleh dirakamkan secara elektronik.

Sekiranya temu bual tersebut dirakamkan secara elektronik (atau anda diberitahu bahawa ia akan dirakamkan secara elektronik oleh pihak penemu bual), sila pastikan untuk memaklulkannya kepada pihak peguam bela anda.

(2) **Respon kepada Rakaman Elektronik, dan lain-lain.**

Sekiranya temu bual dirakamkan secara elektronik, anda masih mempunyai hak untuk berdiam diri. Anda boleh membuat keputusansama ada untuk membuat

pernyataan atau tidak.

Jika anda membuat pernyataan, adalah penting untuk memberitahu fakta (rangka) berdasarkan ingatan anda dan kefahaman sendiri. Sekiranya anda membuat pengakuan palsu, jelaskan mengapa pengakuan palsu tersebut dibuat.

Walaupun temu bual tersebut dirakamkan, sila berbincang secara menyeluruh dengan peguam bela anda tentang sama ada untuk membuat pernyataan atau menggunakan hak untuk berdiam diri, dan sekiranya anda bertutur semasa temu bual, apa yang sepatutnya anda tuturkan.

## **9. Soal jawab yang lain-lain**

### **Q1: Apakah perbezaan antara “Pendakwa Raya” dan “Pegawai Polis”?**

**A1:** Kedua-dua pegawai polis dan pendakwa raya akan membincangkan keadaan kes tersebut dengan anda dan orang lain serta mengumpul bukti. Walau bagaimanapun, tidak seperti pegawai polis, pendakwa raya mempunyai kuasa untuk membuat keputusan sama ada untuk mendakwa anda atau tidak berkeñaan dengan kes yang anda disyaki.

Pegawai polis tidak mempunyai kuasa untuk mendakwa anda atau melepaskan anda dari tahanan. Walaupun seorang pegawai polis mengatakan bahawa “Saya akan melepaskan anda sebaik sahaja anda memberitahu saya” pegawai polis tersebut tidak boleh melakukannya, oleh itu, sila jangan terima tawaran sedemikian. Juga, walaupun sekiranya seorang pendakwa raya mengatakan “Saya akan melepaskan anda sebaik sahaja anda memberitahu saya”, tidak ada jaminan bahawa anda akan dibebaskan, oleh itu jangan terima tawaran sedemikian.

### **Q2: Berapa lamakah “temu bual” akan dijalankan?**

**A2:** Jangkamasa paling lama adalah 23 hari.

Selepas tangkapan anda, ia akan mengambil masa selama satu atau dua hari, atau paling lama tiga hari sehingga keputusan dibuat oleh hakim tentang sama ada untuk menahan reman anda.

Sekiranya keputusan untuk menahan reman anda dibuat, ia adalah selama 10 hari dan jika hakim berpendapat bahawa tahanan reman masih diperlukan pada akhir 10 hari pertama, hakim boleh memutuskan untuk melanjutkan tempoh tahanan selama

10 hari lagi. Oleh itu, tempoh terpanjang anda akan ditahan untuk temu bual oleh pihak polis dan pendakwa raya adalah 23 hari.

**Q3: Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mengingati kes?**

**A3:** Nyatakan dengan jelas, “Saya tidak ingat” untuk perkara yang anda tidak ingat. Jika anda tidak mengatakan ini dengan jelas, pegawai polis dan pendakwa raya mungkin akan mencuba dan membuat anda ingat dengan mengatakan “Ia seperti ini, bukan?” atau “Rakan sejenayah XX mengatakan ia seperti ini.” Walau bagaimanapun, jika anda benar-benar tidak ingat, dan adalah benar bahawa anda tidak ingat, jangan biarkan pegawai polis atau pendakwa raya mendorong anda membuat sesuatu kenyataan. Jika anda tidak tahu jawapan kepada sesuatu soalan yang ditanya, nyatakan dengan jelas “Saya tidak tahu”. Jika penemu bual terus mencabar anda, gunakan hak untuk berdiam diri.

#### IV. Cadangan Penyediaan “Nota Suspek”

~ “Nota Suspek” akan membantu anda

**1. Temu bual tidak wajar menjadi sukar**

Jika anda menyimpan rekod tentang apa yang berlaku semasa temu bual, adalah menjadi lebih sukar untuk pihak penemu bual untuk melakukan temu bual yang tidak wajar.

**2. “Nota Suspek” akan membantu Peguam Bela**

“Nota Suspek” tersebut akan memudahkan peguam bela untuk memahami apa yang telah berlaku dalam temu bual bilik tertutup dengan membaca nota tersebut ketika pertemuan dengan anda, dan lain-lain.

**3. Ia akan membantu anda menyedari hak-hak anda**

Ia akan membantu anda untuk memahami hak-hak anda (hak untuk berdiam diri, hak untuk menolak menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda, hak permintaan untuk penambahan, pemansuhan atau pengubahan) dan ia akan memudahkan anda untuk bersiap sedia bagi temu bual seterusnya dengan melihat kembali jawapan anda yang terdahulu.

#### **4. “Nota Suspek” akan digunakan sebagai bahan bukti semasa perbicaraan mahkamah**

Apabila keadaan temu bual menjadi isu semasa perbicaraan mahkamah, jika apa yang berlaku tercatat dalam “Nota Suspek”, ia akan memudahkan urusan untuk menjelaskan butiran-butiran.

#### **5. “Nota Suspek” akan menyokong anda**

Jika anda mencatat status temu bual dalam “Nota Suspek”, ia akan membantu anda bertenang dalam temu bual yang sukar.

### **V. Cara menulis “Nota Suspek”**

#### **1. Anda boleh membeli atau meminjam bahan penulisan**

Anda boleh membeli atau meminjam bahan-bahan penulisan (Jangan gunakan pensil. Gunakan pen mata bola.)

#### **2. Anda tidak perlu mempertimbangkan perkara-perkara tersebut secara khusus**

Pihak kami telah merancang supaya “Nota Suspek” mengandungi maklumat yang kami ingin rekodkan bagi tujuan perbicaraan dan/atau aktiviti-aktiviti pembelaan. Sila isikan “Nota Suspek” tersebut sepertimana anda menjawab soal selidik. Jika sekiranya ada perkara yang anda tidak fahami, tanya kepada peguam bela anda. Anda tidak perlu bimbang tentang apa yang patut ditulis untuk setiap perkara. Oleh kerana anda tidak perlu bimbang untuk mengisi setiap perkara, sila hanya tuliskan keadaan temu bual setiap hari di ruangan kosong.

#### **3. Catat kandungan sebenar temu bual anda seperti yang berlaku**

Catat kandungan sebenar temu bual anda seperti yang terdapat dalam “Nota Suspek”. Jangan menokok tambah.

#### **4. Catat sementara ingatan anda masih segar**

Walaupun anda mungkin agak letih selepas temu bual, sila isikan “Nota Suspek” sejurus selepas temu bual, sementara ingatan anda masih segar. Jika anda tidak dapat mencatat pada hari yang sama, cuba catatkannya pada hari berikutnya.



## **5. Tulis tarikh yang betul bagi “tarikh nota dicatat” pada setiap muka surat dan tandatangan nama anda**

“Nota Suspek” tersebut telah disediakan supaya anda boleh mencatat nota setiap hari pada dua muka surat bersebelahan. Sebaik sahaja anda selesai mencatat nota untuk hari itu, tulis “tarikh nota dicatat” (ini tidak selalunya sama dengan tarikh temu bual) dengan betul pada ruangan tarikh di bahagian bawah kanan diluar jadual. Setelah anda menulis “tarikh nota dicatat”, jangan tambahkan apa-apa lagi pada muka surat yang sama. Ini adalah untuk mengelakkan kecurigaan bahawa kandungan Nota telah diubah kemudian.

Jika anda “mengingati sesuatu” pada kemudiannya, sila catat ingatan itu pada muka surat yang baru, sebagai contoh, “Saya teringat bahawa XX berlaku semasa temu bual pada XXXX”.

## **VI. Cara menggunakan “Nota Suspek”**

### **1. Bawa Nota ke Bilik Mesyuarat**

Pada pertemuan dengan peguam bela anda, sila bawa “Nota Suspek” ini ke bilik mesyuarat dan terangkan apa yang berlaku dalam temu bual sambil menunjukkan “Nota Suspek” kepada peguam bela.

### **2. Kembalikan semula “Nota Suspek” kemudian**

Oleh kerana “Nota Suspek” yang telah siap diisi akan diguna pakai oleh pihak peguam bela untuk aktiviti pembelaan, sila kembalikan ia semula kepada pihak peguam bela kemudian.

## **VII. Jika Temu bual Anda Menyalahi undang-undang atau Tidak Wajar**

### **1. Jika anda berdepan dengan temu bual yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar**

Jika anda berhadapan dengan temu bual yang menyalahi undang-undang atau tidak

wajar, sila hubungi peguam bela dengan segera dan maklumkan kepada peguam bela. Seseorang peguam bela akan bertindak sebagai pembela untuk melindungi hak-hak anda. Sekiranya anda berunding dengan seseorang peguam bela, peguam bela tersebut akan bertindak untuk melindungi hak perundangan anda seboleh mungkin, dengan membuat bantahan kepada pegawai polis dan pendakwa raya, dan lain-lain.

Sistem membuat aduan telah dijelaskan di bawah.

Dalam “Nota Suspek” sila terangkan butiran sebenar temu bual anda secara terperinci sepertimana yang berlaku.

## **2. Pengaduan terhadap pihak polis**

“Peraturan berkaitan dengan Pengawasan bagi Temu bual Suspek yang Wajar” telah digubalkan. Peraturan-peraturan ini memperuntukkan bahawa perkara-perkara [1] hingga [7] berikut adalah “tindakan yang tertakluk kepada pengawasan” disebabkan kebimbangan bahawa temu bual akan menjadi tidak wajar. Tambahan itu, peraturan tersebut memperuntukkan bahawa, jika penyelia temu bual mengenal pasti apa-apa “tindakan yang tertakluk kepada pengawasan”, penggantungan temu bual atau tindakan lain boleh dipohon. Sekiranya seseorang anggota polis menerima aduan mengenai sesuatu temu bual, anggota polis tersebut hendaklah memaklumkan dengan segera kepada penyelia temu bual berkenaan aduan tersebut dan sekiranya terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa “tindakan yang tertakluk kepada pengawasan” telah dilakukan, Ketua Polis hendaklah melantik seorang penyiasat temu bual dan memerintahkan penyiasat tersebut untuk menyiasat sama ada “tindakan yang tertakluk kepada pengawasan” telah berlaku atau tidak.

[1] Membuat sentuhan dengan badan tertuduh kecuali dimana sentuhan tidak dapat dielakkan.

[2] Menggunakan kekuatan fizikal secara langsung atau tidak langsung (kecuali bagi yang dinyatakan dalam perkara [1] di atas)

[3] Menggunakan perkataan atau tindakan yang akan membuatkan tertuduh merasa bimbang atau bermasalah

[4] Membuat tuntutan yang tidak wajar bahawa tertuduh harus melakukan sesuatu posisi atau mengambil sesuatu tindakan

[5] Memberikan kemudahan atau membuat tawaran atau berjanji untuk memberikan

kemudahan

[6] Melibatkan perkataan dan perbuatan yang menjatuhkan maruah seseorang dengan ketara

[7] Dimana kelulusan terdahulu Ketua Superintenden Polis Metropolitan, Ketua Ibu Pejabat Polis Wilayah, atau Ketua Ibu Pejabat Kawasan atau Ketua Balai Polis tidak diperolehi dalam mana-mana kes berikut.

a) Apabila melakukan temu bual terhadap tertuduh antara jam 10.00 malam dan 5.00 pagi hari berikutnya.

b) Apabila melakukan temu bual terhadap tertuduh melebihi 8 jam sehari.

**Anda boleh memfail aduan untuk tindakan selain dari yang dinyatakan di atas.  
Sila berbincang dengan peguam bela anda.**

### **3. Aduan kepada Pihak Pendakwa Raya**

Pejabat Pendakwa Raya Awam Tertinggi menerbitkan notis “Berkenaan Kebimbangan Aduan dan sebagainya, mengenai Temu bual dan Maklum balas sehubungan itu” berkaitan dengan temu bual oleh pihak pendakwa raya. Notis tersebut menetapkan bagaimana sepatutnya pendakwa memberi respon terhadap aduan oleh tertuduh dan peguam bela berkaitan dengan temu bual tertuduh oleh pendakwa.

## **Kesimpulan – Sikap Mental Anda adalah Penting**

Pihak kami telah menjelaskan hak-hak anda dan kepentingan bersedia secara mental untuk temu bual. Anda mempunyai hak untuk berdiam diri (III-2 di atas), hak untuk menolak menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda (III-4 diatas) dan hak permintaan untuk penambahan, pemansuhan atau perubahan (III-6 diatas).

Walaupun bagaimanapun, walaupun anda menyedari akan hak-hak ini, tidak mudah untuk menggunakannya. Pada umumnya adalah tidak mungkin untuk kekal berdiam diri sepanjang keseluruhan temu bual. Adalah sangat sukar untuk terus menerus menolak untuk menandatangani nama anda atau menurunkan cap nama anda apabila pihak penemu bual menuntut agar anda menandatangani pernyataan bertulis. Jika anda meminta pihak penemu bual untuk memperbetulkan kandungan pernyataan bertulis, mereka mungkin akan membuat pindaan kecil, tetapi tidak akan sewenangnyanya menerima

permintaan untuk menukar bahagian-bahagian yang penting. Sekiranya anda tidak mendengar apa yang diberitahu oleh pihak penemu bual, penemu bual mungkin akan mengutarakan berbagai perkara dan memberikan tekanan kepada anda. Anda mungkin dipaksa menjalani temu bual setiap hari yang berlangsung selama berjam-jam, sehinggalah 23 hari. Berbanding dengan ini, seorang peguam bela hanya dapat berjumpa dengan anda cuma sekali sehari untuk jangka masa paling lama satu jam, walaupun untuk kes-kes yang berat. Walaupun anda dibela oleh seorang peguam bela, peguam bela tersebut tidak dibenarkan untuk menyaksikan temu bual di bawah sistem pada masa ini. Secara ringkasnya, adalah sangat sukar untuk anda menggunakan hak-hak anda dengan sendiri.

Jangan baca nasihat ini sekali sahaja. Sila ulang baca berkali-kali. Salah seorang tertuduh menghadiri temu bual selepas membaca “Nota Suspek”, termasuk apa yang tertuduh telah catatkan. Seorang yang kuat juga telah akan menjadi letih pada akhir hari setelah merekodkan kisah tertuduh dalam pernyataan bertulis.

Sekiranya keseluruhan proses temu bual dirakamkan dengan video (situasi ini dipanggil “ketelusan temu bual”), temu bual bermasalah ini akan berkurangan. Sekiranya temu bual dirakamkan dengan sepenuhnya, pihak kami dapat menyemak rakaman dengan mudah kemudian. Walau bagaimanapun, agensi penyiasat masih menolak untuk membuat rakaman video keseluruhan proses temu bual walaupun dengan permintaan berulang kali oleh pihak peguam bela (rakaman separa adalah berbeza sekali dari “ketelusan temu bual”). Oleh itu, adalah penting untuk anda memahami sepenuhnya hak-hak anda dan betapa sukarnya untuk anda menggunakannya dan kemudian mengatasi temu bual dengan menggunakan hak-hak tersebut.

Seorang peguam bela sudah tentu akan menyokong anda, tetapi yang paling penting adalah sikap mental anda.



# NOTA SUSPEK

取調日(月/日/年)

1. Tarikh temu bual (Bulan/Hari/Tahun): \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_

時間

開始時間

終了時間

Masa:

Dari \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_ - Hingga \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_

Dari \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_ - Hingga \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_

Dari \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_ - Hingga \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_

場所

警察署

検察庁

Lokasi:

Balai Polis

Pejabat Pendakwa Raya Awam

取調官(警察官, 検察官)の氏名

Nama-nama pihak penemu bual ( pegawai polis / pendakwa raya):

(1) \_\_\_\_\_ (2) \_\_\_\_\_

取調べについて

2. Butiran-butiran temu bual

黙秘権の告知はありましたか

なし

覚えていない

あり

(1) Adakah anda diberitahu mengenai hak untuk berdiam diri? (\*2)  Tidak  Tidak ingat  Ya

録画はなされましたか

なし

あり

(2) Adakah penemu bual membuat rakaman visual temu bual?  Tidak  Ya

暴行や脅迫はありましたか

なし

あり

(3) Adakah anda dikenakan penderaan fizikal atau ugutan?  Tidak  Ya

((3)が有りの場合)具体的に書いてください

(Jika ya bagi (3),) terangkan butiran-butiran tersebut: \_\_\_\_\_

印象に残った取調官の言葉等があれば書いてください

(4) Sila catatkan apa yang dikatakan oleh pihak penemu bual kepada anda yang anda ingat.

弁護人について何か言われたことがあれば書いてください

(5) Adakah pihak penemu bual bercakap mengenai peguam anda? Jika ya, apa yang dikatakan?

通訳について

3. Jurubahasa

通訳人の通訳する言葉は分かりましたか

Adakah anda faham apa yang diperkatakan oleh jurubahasa kepada anda?

分かった

分からないところがあった

分からなかった

Ya

Separa faham

Tidak

取調事項について

4. Isi Kandungan Temu bual

どのような事項について取調べを受けましたか

身上関係

動機

(1) Perkara apakah yang disoal  Sejarah peribadi  Motif

oleh penemu bual?

犯行状況

共犯関係

その他

Butiran jenayah

Rakan jenayah

Lain-lain

具体的に書いてください

(2) Sila nyatakan butiran terperinci berkenaan soalan-soalan.

あなたの対応について

## 5. Maklum balas anda

- あなたはどのような供述をしましたか 黙秘 否認 一部否認 自白
- (1) Sifat maklum balas anda  Berdiam diri  Penafian  Pengakuan separa  Pengakuan
- 具体的に書いてください
- (2) Sila nyatakan butiran-butiran terperinci.

供述調書について

## 6. Pernyataan bertulis

取調官は調書の文面を作成しましたか

- (1) Adakah pihak penemu bual menyediakan dokumen (pernyataan bertulis)?

メモのみ 作成終了

Mengambil nota sahaja → Sila ke 7.  Dokumen selesai → Sila ke (2).

調書の読み聞かせはありましたか

なし あり

- (2) Adakah pernyataan bertulis dibacakan secara lisan kepada anda?  Tidak  Ya

あなたが供述したとおりに調書は作成されましたか

- (3) Adakah anda mendapati bahawa kandungan pernyataan bertulis menerangkan kenyataan lisan semasa temu bual anda dengan betul? 供述のとおりではない 分からない 供述のとおりだと思う
- Tidak  Tidak tahu  Ya

訂正の申入れをしましたか

- (4) Adakah anda meminta apa-apa pembetulan kepada pernyataan bertulis? (\*3)

訂正に応じてくれない 申し入れていない 訂正に応じた

Permintaan ditolak  Tidak meminta  Permintaan diterima

調書への署名をしましたか?

拒否 応じた

- (5) Adakah anda menandatangani pernyataan bertulis itu? (\*4)  Tidak  Ya

取調べについてあなたが思ったこと、感じたことを書いてください

## 7. Apakah pendapat anda tentang temu bual itu? Ada sebarang kebimbangan?

弁護人はあなたの正当な権利利益を守る立場で活動します。また、守秘義務がありますから、秘密が漏れることはありません。

\*1 Peguam bela anda akan bertindak untuk anda. Semua komunikasi dengan peguam bela anda adalah sulit.

黙秘権が保障されていますので、取調官から供述を迫られても供述を拒否できます(憲法第38条第1項)。

\*2 Oleh kerana hak untuk berdiam diri anda dijamin, anda boleh menolak untuk membuat pernyataan walaupun penemu bual memaksa anda (rujuk Perkara 38, perenggan 1 di bawah Perlembagaan).

あなたは供述調書の記載内容を訂正するよう求めることができます(刑事訴訟法第198条第4項)。

\*3 Anda berhak untuk menuntut bahawa kandungan pernyataan bertulis anda diperbetulkan (rujuk Perkara 198, perenggan 4 di bawah Kanun Tatacara Jenayah).

供述調書に署名押印することは義務ではありません。内容の正誤・理由にかかわらず、拒否できます(刑事訴訟法第198条第5項)。

\*4 Anda tidak wajib untuk menandatangani pernyataan bertulis anda. Anda berhak untuk menolak tanpa mengira kandungan itu betul atau tidak atau atas sebab alasan apa pun (rujuk Perkara 198, per. 5 Kanun Tatacara Jenayah).

作成日: 月/日/年

署名

Tarikh disediakan (Bulan/Hari/Tahun):

Tandatangan

/ /

# NOTA SUSPEK

取調日(月/日/年)

1. Tarikh temu bual (Bulan/Hari/Tahun): \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_

時間

開始時間

終了時間

Masa:

Dari \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_ - Hingga \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_

Dari \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_ - Hingga \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_

Dari \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_ - Hingga \_\_\_\_\_ : \_\_\_\_\_

場所

警察署

検察庁

Lokasi:

Balai Polis

Pejabat Pendakwa Raya Awam

取調官(警察官, 検察官)の氏名

Nama-nama pihak penemu bual ( pegawai polis / pendakwa raya):

(1) \_\_\_\_\_ (2) \_\_\_\_\_

取調べについて

2. Butiran-butiran temu bual

黙秘権の告知はありましたか

なし

覚えていない

あり

(1) Adakah anda diberitahu mengenai hak untuk berdiam diri? (\*2)  Tidak  Tidak ingat  Ya

録画はなされましたか

なし

あり

(2) Adakah penemu bual membuat rakaman visual temu bual?  Tidak  Ya

暴行や脅迫はありましたか

なし

あり

